

29 MAY 2003

IRIS-OIC/I

IRIS JANGKA AMBIL KESEMPATAN DRP PELUANG SIDANG KEMUNCAK OIC

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Iris Corporation Bhd (ICB), pembekal chip bagi e-pasport dan kad pintar pelbagai guna Malaysia, Mykad, menjangka akan mengambil kesempatan ke atas peluang-peluang perniagaan yang mungkin timbul semasa sidang kemuncak Pertubuhan Persidangna Islam (OIC) yang akan diadakan di sini Oktober akan datang.

Pengerusi Iris, Tan Sri Razali Ismail, hari ini berkata bahawa syarikat itu berharap mempamerkan kepakarannya kepada anggota-anggota OIC dan juga memperolehi kontrak semasa mesyuarat itu.

"Kami berharap yang kami akan dapat meyakinkan, mempamer dan menunjukkan beberapa ketua kerajaan mengenai apa yang kami boleh lakukan, dengan sedikit bantuan daripada kerajaan," beliau memberitahu pemberita selepas sidang akhbar mengenai projek Pasport Elektronik Nigeri di sini hari ini.

Iris baru-baru ini memperolehi kontrak bernilai RM246 juta untuk melaksanakan projek sistem pasport elektronik di Nigeria.

Ia menanda tangani perjanjian pada 24 Mei, 2003, dengan syarikat diperbadankan di Nigeria, IRIS Smart Technologies Ltd (ISTL), untuk membekal kelengkapan, perkhidmatan dan sistem bagi pelaksanaan pasport elektronik itu.

Projek tersebut, yang akan membabitkan bekalan 5.5 juta subtrat pasport kepada Nigeria sepanjang tempoh dua tahun, dijangka mempertingkatkan lagi dan menyumbang kepada perolehan ICB bagi tahun kewangan semasa dan memberikan prospek yang baik bagi tahun-tahun akan datang, kata Razali.

Katanya Nigeria berminat menerima pakai teknologi itu apabila Presiden Olusegun Obasanjo, melawat Iris semasa sidang kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) Februari lalu.

Katanya kontrak itu adalah hasil negara menjadi tuan rumah NAM dan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertanggung jawab dalam membantu syarikat itu menonjolkan teknologinya.

"Kami terhutang budi kepada Perdana Menteri. Beliau telah membantu kami menonjolkan teknologi kami dan menggalakkan kami merantau ke luar Malaysia," kata beliau.

Katanya bahawa terdapat juga kemungkinan bagi negara-negara lain di Afrika menerima pakai teknologinya seperti dilakukan oleh Nigeria. --

BERNAMA

MUN SD OS